**TERMS AND CONDITIONS**
**CIMB Private Wealth World Elite Credit Card Annual Fee Waiver Campaign**

1. The **CIMB Private Wealth World Elite Credit Card Annual Fee Waiver Campaign** ("**the Campaign**") is organised by CIMB Bank [Registration No: 197201001799 (13491-P)] ("**CIMB**" or "**the Bank**").

## Campaign Period

2. The Campaign shall run from **22 June 2026 until 30 June 2027** (both dates inclusive) ("**the Campaign Period**").

3. CIMB reserves the right upon giving notice of not less than fourteen (14) calendar days to change the duration and/or the commencement and/or the expiry dates of the Campaign Duration and/or Campaign Period.

## Eligibility

4. This Campaign is open to all Private Wealth customers who are **Principal credit cardholders** who hold the **CIMB Private Wealth World Elite Credit Card** ("**Eligible Card**") issued by CIMB in Malaysia during the Campaign Period.

   Hereinafter referred to as "**Eligible Participant(s)**".

5. No registration is required to participate in this Campaign.

## Campaign Mechanics and Conditions

6. The Eligible Participant(s) will be entitled to enjoy annual fee waiver for Eligible Card upon meeting the Asset Under Management ("AUM") requirement stated below in Table A ("**Annual Fee Waiver**"): -

**Table A**

| Asset Under Management ("AUM") Requirement[1] | Annual Fee Waiver Amount |
|---|---|
| Maintain AUM of minimum RM1,000,000* and at least RM500,000 in Wealth Management and/or Current Account/-i and/or Savings Account/-i (CASA/-i) balances** at all times during the Campaign Period | RM 1,215.09 |

[1] As stipulated in CIMB Private Wealth and Preferred Terms and Conditions at www.cimbprivatewealth.com.my
**Based on the Customer's month-end balance AUM: Deposits, selected investments and/or cumulative annualised premium/contribution of Life Insurance/Family Takaful products.*
***Based on the balance deposited in Current Account/-i, Savings Account/-i and/or invested in selected Investment products and/or cumulative annualised premium/contribution of Life Insurance/Family Takaful products.*

7. Each Eligible Participant (s) is entitled to only one (1) time Annual Fee Waiver throughout the Campaign Period.

## Fulfillment of Annual Fee Waiver

8. Eligible Participant(s) who meet the conditions in Clause 6 shall receive Annual Fee Waiver Amount in the form of Cashback ("**Cashback**") which will be credited to the Eligible Participant(s) Eligible Credit Card account within twelve (12) weeks from their Annual Fee Date ("**Fulfilment Period**").

9. Any determination by CIMB Bank on the Cashback shall be conclusive and shall not be challenged by the Eligible Participant(s) in any manner whatsoever, unless there is obvious error or where the same appear as unfair or unjust. The Cashback cannot be exchanged for a different prize or reward of similar value or any other alternatives in any circumstances.

10. The Eligible Participants who are entitled to receive the Cashback shall be able to view the Cashback amount in the Eligible Participant's subsequent credit card monthly statement after the crediting of the Cashback has been performed by CIMB.

11. CIMB will not entertain any complaint(s) whatsoever in connection with the Cashback and shall not be responsible or held liable in any manner whatsoever in respect of any technical failures or any kind of, intervention, interruptions and/ or electronic or human error in administration and/or processing of the transaction performed via Eligible Card unless the same is due to the fraud, negligence or wilful default of CIMB.

## General Terms and Conditions

12. The Eligible Participants agree that by participating in the Campaign, they:
    a) are required to read and understand these Terms and Conditions;
    b) have accessed, read and confirm their agreement to these Terms and Conditions;
    c) confirm that the key contract terms affecting their obligations have been adequately explained to them;
    d) consent to CIMB processing and disclosing their personal data as well as any personal data of any individual which the Eligible Participants may share with CIMB in accordance with the CIMB Group Privacy Notice at www.cimb.com.my;
    e) agree that all decisions reasonably made by CIMB in relation to every aspect of this Campaign shall be final, binding and conclusive subject to any obvious error and the Eligible Participant(s)/Customer(s) has the right to seek clarification or redress through CIMB's established complaint and dispute resolution channels, including recourse to the relevant authorities where applicable; and
    f) agree that CIMB shall not be liable or held responsible to the Eligible Participants if CIMB is unable to perform in whole or in part any of its obligations in these Terms and Conditions attributable directly or indirectly to:
        (i) the failure of any mechanical or electronic device, data processing system or transmission line;
        (ii) electrical failure;
        (iii) industrial dispute, war, strike or riot;
        (iv) any act of God beyond CIMB's control; or
        (v) any factor which is beyond CIMB's reasonable control.

13. The Eligible Participant(s) will be disqualified from participating in the Campaign and/or the Cashbackwill be forfeited if, during the Campaign Period and/or before the crediting of the Cashback :
    a) The Eligible Participant(s) are in breach of the terms and conditions governing the Campaign and/or the terms and conditions governing the Eligible Card;
    b) The Eligible Card is cancelled, terminated or closed or suspended or made subject to any attachment, adverse orders made by the Court or any authorities sanctioned by laws; or
    c) The Eligible Card is delinquent, invalid or cancelled by the Eligible Participant(s) or CIMB.

14. CIMB shall have the right to disqualify any Eligible Participant(s) that it determines to be:
    a) tampering with the participation process; and/or
    b) acting in breach of these Terms and Conditions.

15. CIMB shall have the right to extend, shorten, discontinue, cancel, terminate or suspend the Campaign by giving fourteen (14) calendar days' prior notice to the Eligible Participant(s) to facilitate changes in the business operations, processes or system requirements or as a consequence of change in law and regulations or for reasons that CIMB may stipulate in the notice or in any of the following events:
    a) If there are any changes in law or regulation which makes it impossible or unlawful for CIMB to continue with the Campaign;

b) The Eligible Participant(s)/Customers does not operate any of his/her accounts satisfactorily or CIMB has reason to believe that there is a breach of any prevailing laws, by-laws or regulatory requirements, directives or orders issued by Bank Negara Malaysia and/or any other body having authority or jurisdiction over CIMB;
c) The Eligible Participant(s)/Customers become subject to any sanctions, regulations, embargoes or restrictive measures administered, enacted or enforced by any authorities (“**Sanctions Authorities**”) in:
   (i) the United States of America;
   (ii) the United Nations;
   (iii) the states of the European Union;
   (iv) the United Kingdom;
   (v) Malaysia; or
   (vi) the respective governmental institutions and agencies of any of such countries, including but not limited to the United Nations Security Council, the Office of Foreign Assets Control, the United States Department of State, His Majesty’s Treasury and Bank Negara Malaysia (“**Sanctions**”);

16. The Eligible Participant(s) may decide not to participate in the Campaign or discontinue his/her participation in the Campaign if he/she does not agree to such extension, shortening, discontinuation, cancellation, termination or suspension of the Campaign by sending a written notification to CIMB at any time.

17. CIMB shall have the right to extend, shorten, discontinue, cancel, terminate or suspend the Campaign by giving fourteen (14) calendar days’ prior notice to the Eligible Participant(s) via:

   (i) announcement at CIMB’s website; and/or
   (ii) notice at CIMB’s branches; and/or
   (iii) by any other means of notification which CIMB may select.

   For avoidance of doubt, CIMB shall not be liable to the Eligible Participant(s) for any losses, damages, costs or expenses as may be suffered or incurred by the Eligible Participant(s) as a direct or indirect result of any cancellation, suspension, shortening or extension of the Campaign.

18. CIMB shall only be liable for losses or damages if such losses or damages are caused directly by CIMB’s fraud, negligence or wilful default. Notwithstanding anything to the contrary, CIMB shall not be liable to any Eligible Participant(s) or any party for any loss or damage (including but not limited to, loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages) resulting from:
   a) The Eligible Participant(s) participation or non-participation in the Campaign; and/or
   b) Any non-receipt or delayed receipt by the Eligible Participant(s) of the Short Message Service (“**SMS**”) or eDM

19. a) CIMB shall have right to vary, add, delete, or amend any of these Terms and Conditions (“Amendment”) by giving twenty-one (21) calendar days’ prior notice to the Eligible Participant(s) to facilitate changes in the business operations, processes or system requirements or as a consequence of change in law and regulations or for reasons that CIMB may stipulate in the notice. If the Eligible Participant(s)/Customers do not agree with the Amendment, then they should not participate in the Campaign. The notice will be given by CIMB via:
   (i) announcement at CIMB’s website; and/or
   (ii) notice at CIMB’s branches; and/or
   (iii) advertisement in one newspaper of CIMB’s choice; and/or
   (iv) by any other means of notification which CIMB may select.

   b) The Amendment shall be considered as binding on the Eligible Participant(s) from the date as specified by CIMB in the notification.

   c) If the changes are required by law or any rules, regulations, directives, notices and guidelines (“**Regulations**”) then they will take effect in accordance with the law or Regulations and CIMB will inform/give notice to the Eligible Participant(s) about these changes as soon as possible.

d) Eligible Participant(s) agree to access CIMB's website at regular intervals to view the terms and conditions of the Campaign and to ensure that they are kept up to date with any variation to these Terms and Conditions.

20. CIMB will not be liable to the Eligible Participant(s) for any losses, costs or damages suffered or incurred by the Eligible Participant(s) as a direct or an indirect result of the Amendment.

21. The Eligible Participant(s) shall fully indemnify and keep CIMB indemnified against any fee, cost, charge, expense (including any sales and services tax or any other taxes based on the prevailing rate of tax set by the Malaysian Government), loss, damage or liability which CIMB may incur as a result of the Eligible Participant(s):
    a) participation in the Campaign; and/or
    b) receipt, redemption or use of the Cashback ; and/or
    c) breach or failure to comply with these Terms and Conditions

    unless caused by CIMB's fraud, negligence or wilful default.

22. These Terms and Conditions:
    a) shall prevail over any provisions or representations contained in any other materials advertising the Campaign; and
    b) are to be read together with the prevailing terms and conditions of the CIMB's product(s) and/or service(s) relating to the Campaign which shall apply in addition to these Terms and Conditions.

23. These Terms and Conditions are subject to and construed in accordance with the laws of Malaysia and the rules, regulations and guidelines of Bank Negara Malaysia and other relevant regulatory bodies to which CIMB is subject.

24. If CIMB does not exercise a right that it has in these Terms and Conditions, this does not stop CIMB from exercising that right or any other rights CIMB has in the future.

25. The Eligible Participant(s) agree that they will be responsible for any taxes, government fees or any other charges in relation to this Campaign.

26. a) Eligible Participant(s) may contact CIMB's Customer Resolution Unit ("CRU") for any feedback and/or complaint in relation to this Campaign via letter, phone call, and email:
        Address: CIMB Bank Berhad, Customer Resolution Unit (CRU), P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
        Telephone No: +603 - 6204 7788
        Email: contactus@cimb.com
    b) CIMB may change the above contact details by notifying the Eligible Participant(s) by way of announcement at CIMB's website or by any other means of notification which CIMB may select.

27. CIMB Current Account/-i and/or Savings Account/-i (CASA/-i) is protected by PIDM up to RM250,000 for each depositor.

28. CIMB's website may contain links to other websites ("**Third Party Links**"). CIMB has no control over, and do not monitor or review the contents of the Third Party Links. If the Eligible Participant(s) do click on the Third Party Links, the Eligible Participant(s) understand that they are accessing the Third Party Links at their own risk and CIMB is not responsible for any losses the Eligible Participant(s) may incur.

29. To the extent permitted by law, CIMB disclaims any representations, warranties or endorsement, implied or express, written or oral, of the Cashback.

30. All risks, loss or damage associated with the redemption or use of the Cashback shall be assumed by the Eligible Participant(s).

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**
**Kempen Pengecualian Fi Tahunan Kad Kredit CIMB Private Wealth World Elite**

1. **Kempen Pengecualian Fi Tahunan Kad Kredit CIMB Private Wealth World Elite** (“**Kempen**”) adalah dianjurkan oleh CIMB Bank [No. Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] (“**CIMB**” atau “**Bank**”).

## Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari **22 Jun 2026 hingga 30 Jun 2027** (termasuk kedua-dua tarikh) (“**Tempoh Kempen**”).

3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Jangka Masa Kempen dan/atau Tempoh Kempen.

## Kelayakan

4. Kempen terbuka kepada semua pelanggan Private Wealth yang merupakan **pemegang kad utama Kad Kredit CIMB Private Wealth World Elite** (“**Kad Layak**”) yang dikeluarkan oleh CIMB di Malaysia semasa Tempoh Kempen

   selepas ini dirujuk sebagai “**Peserta Layak**”.

5. Pendaftaran tidak diperlukan untuk menyertai Kempen ini.

## Mekanik dan Syarat Kempen

6. Peserta Layak akan berhak menikmati pengecualian fi tahunan bagi Kad Layak setelah memenuhi keperluan Aset di bawah Pengurusan ("AUM") yang dinyatakan di bawah dalam Jadual A (“**Pengecualian Fi Tahunan**”): -

   **Jadual A**

| Keperluan Aset di bawah Pengurusan ("AUM")[1] | Pengecualian Fi Tahunan |
|---|---|
| Mengekalkan AUM minimum sebanyak RM1,000,000* dan baki sekurang-kurangnya RM500,000 dalam Pengurusan Kekayaan dan/atau Akaun Semasa/-i dan/atau Akaun Simpanan/-i (CASA/-i)** pada setiap masa sepanjang Tempoh Kempen | RM 1,215.09 |

   [1]Seperti yang dinyatakan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB Private Wealth dan Preferred di http://www.cimbprivatewealth.com.my/
   **Berdasarkan baki AUM akhir bulan Pelanggan: Deposit, pelaburan terpilih dan/atau premium/sumbangan kumulatif bagi polisi/kontrak Insurans Hayat/Takaful Keluarga yang masih berkuat kuasa.*
   ***Berdasarkan baki yang didepositkan dalam Akaun Semasa/-i, Akaun Simpanan/-i dan/atau dilaburkan dalam produk pelaburan terpilih dan/atau premium/sumbangan kumulatif bagi polisi/kontrak Insurans Hayat/Takaful Keluarga yang masih berkuat kuasa.*

7. Setiap Peserta Layak hanya layak untuk satu (1) kali Pengecualian Fi Tahunan sepanjang Tempoh Kempen.

## Pemenuhan Pengecualian Fi Tahunan

8. Peserta Layak yang memenuhi syarat dalam Klausa 6 akan menerima Jumlah Pengecualian Fi Tahunan dalam bentuk Pulangan Tunai **("Pulangan Tunai")** yang akan dikreditkan ke akaun Kad Kredit Layak

Peserta Layak dalam tempoh dua belas (12) minggu dari Tarikh Yuran Tahunan mereka ("**Tempoh Pemenuhan**").

9. Sebarang penentuan oleh CIMB Bank mengenai Pulangan Tunai adalah muktamad dan tidak boleh dicabar oleh Peserta Layak dalam apa jua cara sekalipun, melainkan terdapat kesilapan nyata atau apabila ia dianggap tidak adil atau tidak saksama. Pulangan Tunai tidak boleh ditukar dengan hadiah lain atau ganjaran bernilai sama atau apa-apa alternatif lain dalam apa jua keadaan.

10. Peserta Layak yang berhak menerima Pulangan Tunai boleh melihat jumlah Pulangan Tunai dalam penyata bulanan kad kredit Peserta Layak yang seterusnya selepas CIMB melakukan pengkreditan Pulangan Tunai.

11. CIMB tidak akan mempertimbangkan sebarang aduan berkaitan Pulangan Tunai dan tidak akan bertanggungjawab atau dipegang liabiliti dalam apa jua cara sekalipun atas sebarang kegagalan teknikal, sebarang campur tangan, gangguan dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui Kad Layak melainkan ia disebabkan oleh penipuan, kecuaian atau keingkaran sengaja oleh CIMB.

## Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

12. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen, mereka:
    a) dikehendaki membaca dan memahami Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
    b) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
    c) mengesahkan bahawa terma-terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
    d) bersetuju kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang mungkin dikongsi oleh Peserta Layak kepada CIMB menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
    e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif, tertakluk kepada sebarang kesilapan yang jelas dan Peserta Layak berhak mendapatkan penjelasan atau pembetulan melalui saluran aduan dan penyelesaian pertikaian yang telah ditetapkan oleh CIMB, termasuk merujuk kepada pihak berkuasa berkaitan jika berkenaan; dan
    f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana kewajipannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada:
        (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
        (ii) kegagalan elektrik;
        (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
        (iv) apa-apa bencana alam (“act of God”) di luar kawalan CIMB; atau
        (v) apa-apa faktor di luar kawalan munasabah CIMB.

13. Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen dan/atau Pulangan Tunai akan dilucuthakkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pemberian Pulangan Tunai:
    a) Peserta Layak memungkiri terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan/atau terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Kad Layak;
    b) Kad Layak ditamatkan atau ditutupkan atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dikeluarkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang; atau
    c) Kad Layak adalah berdelinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta Layak atau CIMB.

14. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah:
    a) mengganggu penyertaan; dan/atau
    b) bertindak memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

15. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Layak bagi memudahkan perubahan dalam operasi perniagaan, proses atau keperluan sistem atau sebagai akibat perubahan undang-undang dan peraturan atau atas sebab-sebab yang mungkin ditetapkan oleh CIMB dalam notis atau dalam mana-mana peristiwa berikut:
    a) Jika terdapat sebarang perubahan dalam undang-undang atau peraturan yang menjadikan mustahil atau menyalahi undang-undang bagi CIMB untuk meneruskan Kempen;
    b) Peserta/Pelanggan Layak tidak mengendalikan mana-mana akaunnya dengan memuaskan atau CIMB mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa terdapat pelanggaran mana-mana undang-undang, peraturan atau keperluan kawal selia, arahan atau perintah yang berkuat kuasa, yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan/atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa atau bidang kuasa ke atas CIMB;
    c) Peserta/Pelanggan Layak tertakluk kepada apa-apa sekatan, peraturan, embargo atau langkah-langkah sekatan yang diuruskan, digubal atau dikuatkuasakan oleh mana-mana pihak berkuasa ("**Pihak Berkuasa Sekatan**") di:
        (i) Amerika Syarikat;
        (ii) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
        (iii) Negara-negara Kesatuan Eropah;
        (iv) United Kingdom;
        (v) Malaysia; atau
        (vi) Institusi dan agensi kerajaan masing-masing bagi mana-mana negara tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pejabat Kawalan Aset Luar Negara, Jabatan Negara Amerika Syarikat, Perbendaharaan Diraja dan Bank Negara Malaysia ("**Sekatan**")

16. Peserta Layak boleh memutuskan untuk tidak menyertai Kempen atau menghentikan penyertaannya dalam Kempen jika dia tidak bersetuju dengan sebarang lanjutan, pemendekan, penamatan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen dengan menghantar notis bertulis kepada CIMB pada bila-bila masa.

17. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui:
    i) pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau
    ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
    iii) menerusi mana-mana cara pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh CIMB .

    Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan seperti yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh sebarang Ganjaran dan/atau sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.

18. CIMB hanya akan bertanggungjawab atas kerugian atau kerosakan sekiranya kerugian atau kerosakan tersebut disebabkan secara langsung oleh penipuan, kecuaian atau keingkaran sengaja CIMB. Tanpa mengira apa-apa yang bertentangan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada sebarang Peserta Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:
    a) Penyertaan atau kegagalan penyertaan Peserta Layak dalam Kempen; dan/atau
    b) Sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan oleh Peserta Layak SMS dan/atau EDM

19. a) CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (“Pindaan”) dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Layak bagi memudahkan perubahan dalam operasi perniagaan, proses atau keperluan sistem atau sebagai akibat perubahan undang-undang dan peraturan atau atas sebab-sebab yang mungkin ditetapkan oleh CIMB dalam notis tersebut. Sekiranya Peserta/Pelanggan Layak tidak bersetuju dengan Pindaan, mereka tidak seharusnya menyertai Kempen. Notis akan diberikan oleh CIMB menerusi:
        (i) pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau

(ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
(iii) pengiklanan di suatu surat khabar pilihan CIMB; dan/atau
(iv) menerusi mana-mana cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

b) Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Layak dari tarikh sepertimana yang dinyatakan oleh CIMB dalam pemberitahuan.

c) Sekiranya perubahan tersebut diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana kaedah, peraturan, arahan, notis dan garis panduan (“**Peraturan**”) maka perubahan tersebut akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Peserta/Pelanggan Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.

d) Peserta Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti sebarang variasi terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

20. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap Peserta Layak untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada Pindaan.

21. Peserta Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan bahawa CIMB ditanggung rugi terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada Peserta Layak:
   a) penyertaan Peserta Layak di dalam Kempen; dan/atau
   b) penerimaan, penebusan atau pengunaan Pulangan Tunai; dan/atau
   c) kemungkiran atau kegagalan untuk mematuhi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini oleh Peserta Layak

   melainkan disebabkan oleh penipuan, kecuaian atau keingkaran sengaja oleh CIMB.

22. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:
   a) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
   b) dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Kad Layak yang akan diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

23. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada mana-mana undang-undang, peraturan dan garis panduan, arahan, notis semasa yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB dari semasa ke semasa.

24. Sekiranya CIMB tidak menjalani hak yang dimilikinya di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, ia tidak akan menghalang CIMB daripada menjalani hak tersebut atau mana-mana hak lain yang dimiliki CIMB pada masa hadapan.

25. Peserta Layak bersetuju bahawa mereka akan bertanggungjawab ke atas sebarang cukai, yuran kerajaan atau sebarang caj lain berkaitan Kempen ini.

26. a) Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB (“CRU”) bagi sebarang maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon, faks dan e-mel:

| | |
|---|---|
| Alamat: | CIMB Bank Berhad , Unit Resolusi Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan |
| No. Telefon: | +603 - 6204 7788 |
| E-mel: | contactus@cimb.com |

   b) CIMB boleh menukar butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta Layak melalui pengumuman di laman sesawang CIMB atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

27. Akaun Semasa/-i dan/atau Akaun Simpanan/-i (CASA/-i) CIMB dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

28. Laman sesawang CIMB mungkin mengandungi pautan ke laman sesawang lain ("**Pautan Pihak Ketiga**"). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Pelanggan Layak terklik pada Pautan Pihak Ketiga, Pelanggan Layak memahami bahawa mereka telah mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko mereka sendiri dan CIMB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Peserta Layak.

29. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB menafikan sebarang pernyataan, jaminan atau pengesahan, sama ada tersirat atau nyata, bertulis atau lisan, mengenai Pulangan Tunai.

30. Kesemua risiko, kerugian atau kerosakan yang berkaitan dengan penebusan atau penggunaan Pulangan Tunai hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak.